

Sinar Harian 11/10/2010 215 3 24

Kes jenayah makin meningkat

Lambakan warga asing undang pelbagai masalah

DENGKIL-Umpama berada di Bangladesh atau Indonesia. Itulah yang dapat diibaratkan jika sehari-hari berada di Taman Dengkil Jaya di sini berikutan kehadiran begitu banyak warga asing di sekitar perumahan berkenaan setiap hari.

Lambakan warga asing yang menyewa di Taman Dengkil Jaya di sini merunsingkan penduduk yang menjadikan warga tempatan pula seperti orang asing di perumahan tersebut.

Kehadiran mereka dikhuatiri mengundang pelbagai jenayah serta keruntuhan gejala sosial dalam kalangan masyarakat setempat.

Penduduk yang ditemui berkata, masalah kebanjiran

warga asing di situ menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk termasuk aspek kebersihan di kawasan tempat tinggal.

Menurut penduduk, Rosman Amir (bukan nama sebenar), kehadiran mereka juga berikutan sesetengah pemilik rumah yang tidak kisah menyewakan rumah mereka untuk dihuni warga asing.

"Sepatutnya pemilik rumah berkenaan perlu memaklumkan status penyewa itu kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan mereka yang menyewa itu mempunyai dokumen sah kerana ramai kalangan mereka masuk ke negara ini secara haram," katanya.

Menurutnya, walaupun kawasan itu pernah diserbu pihak imigresen, namun jumlahnya tidak pernah berkurang.

Justeru, penduduk berharap pihak berwajib melakukan pemantauan kerana dikhuatiri ada dalam kalangan warga asing menyalahgunakan pas lawatan sosial ke negara ini.

Malah menurut penduduk, beberapa kejadian tidak diingini pernah berlaku termasuk kes cabul beberapa tahun lalu melibatkan warga asing dan remaja perempuan di sini.

Difahamkan, kebanyakan warga asing yang tinggal di kawasan itu bekerja sebagai



■ Sebuah rumah teres di Taman Dengkil Jaya, Dengkil yang disewakan kepada warga asing.

buruh binaan dan menjadikan taman itu sebagai tempat tinggal kerana kedudukannya yang agak jauh dari jalan utama.

Ketua Pemuda UMNO Taman Dengkil Jaya, Ahmad Feruz Madam, 36, berkata, kebanjiran warga asing di situ perlu dipandang serius sebe-

lum timbul masalah lebih besar.

Menurutnya, banyak kes jenayah yang membimbangkan warga tempatan berlaku.